

## **BAB DUA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **2.1 . PENGENALAN**

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui tahap motivasi kerja Penolong Pendaftar dan juga mengenalpasti apakah faktor -faktor pekerjaan dan persekitaran pekerjaan yang mempengaruhi motivasi mereka dalam pekerjaan.

#### **2.2 . RESPONDEN KAJIAN**

Responden yang telah dipilih bagi kajian ini melibatkan seramai 38 orang responden yang terdiri daripada penolong pendaftar di Institut Teknologi MARA. Terdapat 79 jawatan penolong pendaftar di Institut Teknologi MARA . Daripada jumlah ini 48 lagi bertugas di kampus induk Shah Alam dan 38 lagi bertugas di serata cawangan Institut di seluruh Malaysia. Dari jumlah 48 yang bertugas di kampus Shah Alam 38 orang telah dipilih untuk kajian ini .

### 2.3 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan memakai teknik tinjau selidik . Soal selidik digunakan didalam pengumpulan data . Item -item yang digunakan didalam soal selidik ini telah diperolehi daripada penyelidikan yang telah dijalankan terdahulu . Pengunaannya telah mendapat restu daripada penyelia. Kajian rintis telah dibuat terlebih dahulu dimana soal selidik ini telah diedarkan kepada lima orang penolong pendaftar untuk mendapatkan pandangan mereka. Beberapa pindaan kecil telah dibuat hasil dari pandangan yang diberikan sebelum ianya diedarkan untuk kajian sebenar. Soal selidik yang digunakan didalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

#### Bahagian A :

Bahagian ini mengandungi sepuluh soalan yang berkaitan dengan latarbelakang responden . Soalnya terdiri dari jantina , bangsa , umur , status perkahwinan , kelayakan akademik, pejabat tempat bertugas , tempoh lama bertugas , taraf jawatan , kursus / latihan yang pernah diikuti didalam tempoh tiga tahun kebelakangan , kelayakan tambahan dan pergerakan gaji yang diterima di bawah sistem penilaian prestasi iaitu Sistem Saraan Baru ( SSB).

## Bahagian B

Bahagian B pula merupakan item -item mengenai pelbagai faktor yang memberi motivasi dalam pekerjaan. Bagi tujuan ini responden diminta untuk membulatkan nombor yang sesuai dengan menggunakan skala Likert untuk menyatakan persepsi mereka iaitu :

- 1 - Tiada memberi motivasi
- 2 - Memberi sedikit motivasi
- 3 - Memberi motivasi sederhana
- 4 - Memberi motivasi kuat
- 5 - Memberi motivasi paling kuat

Faktor - faktor motivasi yang dirangka adalah berasaskan kepada faktor ekstrinsik dan faktor intrinsik yang terdapat dalam Teori Dua faktor Herzberg . Faktor ekstrinsik dalam kajian ini dikemukakan dalam soalan - soalan berikut :

Soalan 1 - 2 : Merujuk kepada faktor gaji

Soalan 11 - 17 : Merujuk kepada faktor suasana tempat kerja

Soalan 23 - 27 : Merujuk kepada faktor jaminan kerja

Soalan 33 - 44 : Merujuk kepada faktor dasar organisasi dan pentadbiran

Soalan 45 - 50 : Merujuk kepada faktor penyeliaan.

- Soalan 59 - 71 : Merujuk kepada faktor hubungan antara perorangan
- Soalan 76 - 78 : Merujuk kepada faktor penghidupan peribadi
- Soalan 79 - 80 : Merujuk kepada faktor status

Faktor intrinsik dalam kajian ini pula dikemukakan dalam soalan - soalan berikut :

- Soalan 3 - 10 : Merujuk kepada pekerjaan itu sendiri
- Soalan 18 - 22 : Merujuk kepada faktor tanggungjawab.
- Soalan 28 - 33 : Merujuk kepada faktor kemajuan
- Soalan 51 - 58 : Merujuk kepada faktor pencapaian
- Soalan 72 - 75 : Merujuk kepada faktor pengiktirafan

### Bahagian C

Bahagian ini mengandungi tiga soalan tertutup dan satu soalan terbuka . Responden diminta menandakan ( / ) diruangan yang sesuai mengikut persepsi mereka . Soalan soalan ini iaitu soalan 90 - 92 yang merupakan soalan sama ada mereka akan menamatkan perkhidmatan sehingga persaraan wajib didalam jawatan ini ; juga soalan mengenai pilihan yang akan mereka buat jika mereka diberi peluang menjawat jawatan yang mana gaji dan ganjarannya sama dengan jawatan sekarang dan akhir sekali soalan mengenai persepsi responden sendiri terhadap tahap motivasi kerja mereka

adakah rendah , sederhana atau tinggi. Soalan 94 pula merupakan soalan berbentuk terbuka , di mana responden diminta menyenaraikan lima perkara yang memerosotkan atau melemahkan motivasi kerja mereka.

#### **2.4 PROSEDUR / PENTADBIRAN KAJIAN**

Proposal kajian telah dikemukakan kepada fakulti dan kelulusan secara bertulis telahpun diperolehi daripada Pendaftar Universiti Malaya.

Bagi memastikan semua penolong pendaftar memberikan sepenuh kerjasama terhadap kajian ini borang soalselidik telah diedarkan secara serahan tangan oleh pengkaji kepada semua responden yang dipilih. Disamping memastikan borang soalselidik di kembalikan pengkaji juga memberikan penerangan ringkas mengenai kajian yang akan dijalankan.

Borang soal selidik telah di edarkan kepada empat puluh lima orang penolong pendaftar tetapi hanya tiga puluh lapan orang sahaja yang mengembalikannya. Setelah menunggu selama tiga minggu pengkaji terpaksa membuat analisa data yang dikumpul.

## 2.5. PENGANALISAAN DATA

Penganalisan data dalam kajian ini telah dibuat dengan menggunakan komputer melalui program SPSS PC. Teknik penganalisan yang digunakan meliputi kaedah kekerapan, jadual silang, pearson khi- kuasa dua ( $\chi^2$ ), Peratusan dan susunan. Dari segi persembahan data, ianya dibuat dalam bentuk - bentuk jadual - jadual dan rajah yang bersesuaian, manakala klasifikasi data adalah mengikut pembolehubah - pembolehubah yang terlibat dalam kajian.